



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# JAWATANKUASA KOMPETENSI RUANG TERKURUNG LEMBAGA PEPERIKSAAN

## FORMAT PEPERIKSAAN UNTUK AUTHORISED ENTRANT AND STANDBY PERSON (AESP) / AUTHORISED ENTRANT AND STANDBY PERSON – REFRESHER (AESP-R)

### 1. Skop Pemakaian

Terpakai bagi latihan Orang Yang Dibenarkan Masuk dan Orang Menjaga/ Authorised Entrant And Standby Person (AESP) dan Orang Yang Dibenarkan Masuk dan Orang Menjaga – Latihan Semula/ Authorised Entrant And Standby Person - Refresher (AESP-R) yang dianjurkan oleh NIOSH atau semua penyedia latihan yang diluluskan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

### 2. Objektif

Peperiksaan ini diadakan untuk menguji tahap pemahaman dan keupayaan calon untuk bekerja di dalam ruang terkurung.

### 3. Syarat Kelayakan Pemeriksa

- a) Telah menghadiri kursus DAN LULUS peperiksaan Confined Space Trainer (CST); DAN
- b) Mempunyai Sijil Pendaftaran AGT/ES yang sah laku; DAN
- c) Telah diluluskan oleh JKKP sebagai Tenaga Pengajar Program Ruang Terkurung; ATAU
- d) Telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kompetensi Ruang Terkurung.

### 4. Syarat Kemasukan

#### 4.1 Authorised Entrant And Standby Person (AESP)

- a) Telah menghadiri kursus AESP yang dikendalikan oleh NIOSH atau semua penyedia latihan yang diluluskan oleh JKKP.
- b) Boleh berkomunikasi secara lisan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris **ATAU** boleh menulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- c) Sekiranya calon tidak memenuhi syarat 4.1 (b), penyedia latihan perlu menyediakan penterjemah yang berkelayakan.



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# JAWATANKUASA KOMPETENSI RUANG TERKURUNG LEMBAGA PEPERIKSAAN

## 4.2 Authorised Entrant And Standby Person - Refresher (AESP-R)

- a) Telah LULUS kursus AESP yang dikendalikan oleh NIOSH atau semua penyedia latihan yang diluluskan oleh JKPP.
- b) Telah menghadiri kursus AESP-R yang dikendalikan oleh NIOSH atau semua penyedia latihan yang diluluskan oleh JKPP.
- c) Boleh berkomunikasi secara lisan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris **ATAU** boleh menulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- d) Sekiranya calon tidak memenuhi syarat 4.2 (c), penyedia latihan perlu menyediakan penterjemah yang berkelayakan.

## 5. Format Peperiksaan

### 5.1 Authorised Entrant And Standby Person (AESP)

Peperiksaan ini merangkumi 1 kertas sahaja.

Maklumat mengenai komposisi peperiksaan adalah seperti berikut:-

Kertas	Jenis Soalan	Pecahan Soalan	Skema Pemarkahan		Masa	Yuran Peperiksaan	Catatan
			Pemberat	Markah Lulus			
Kertas 1	Lisan dan Praktikal	Dua (2) soalan lisan bagi setiap calon (soalan perundangan, hazard, prosedur kemasukan dan peralatan) <b>DAN</b> Tugasan memasuki ruang terkurung dan berperanan sebagai Authorised Entrant (AE) atau Standby Person (SP)	100 %	70%	40 Minit	RM280 (Min Pax: 10)	Akan dinilai oleh 1 pemeriksa



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# JAWATANKUASA KOMPETENSI RUANG TERKURUNG LEMBAGA PEPERIKSAAN

## 5.2 Authorised Entrant And Standby Person - Refresher (AESP-R)

Peperiksaan ini merangkumi 1 kertas sahaja.

Maklumat mengenai komposisi peperiksaan adalah seperti berikut:-

Kertas	Jenis Soalan	Pecahan Soalan	Skema Pemarkahan		Masa	Yuran Peperiksaan	Catatan
			Pemberat	Markah Lulus			
Kertas 1	Ujian Lisan	Tiga (3) soalan bagi setiap calon (merangkumi soalan perundungan, hazard, prosedur kemasukan dan peralatan)	100 %	60%	10 minit	RM230 (Min Pax: 20)	Akan dinilai oleh 1 pemeriksa

## 6. Bahasa

Kesemua soalan adalah di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Calon yang tidak boleh berkomunikasi di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dibenarkan untuk menggunakan penterjemah. Penterjemah perlulah wakil yang telus dan berintegriti.

## 7. Peperiksaan Ulangan

Calon yang GAGAL perlu mengulang pada hari yang sama dengan satu kali percubaan. Sekiranya calon masih gagal, calon dikehendaki menduduki semula peperiksaan pada sesi yang berbeza.

## 8. Kad Perakuan Latihan

Slip Perakuan Latihan Sementara akan diberikan kepada calon yang LULUS pada hari penilaian dan sah digunakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penilaian. Selepas tempoh tersebut, Kad Perakuan Latihan akan diberikan kepada calon yang LULUS dalam peperiksaan ini.



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# JAWATANKUASA KOMPETENSI RUANG TERKURUNG LEMBAGA PEPERIKSAAN

## 9. Pembaharuan Kad Perakuan Latihan

Pembaharuan Kad Perakuan Latihan perlu dibuat setiap 2 tahun.

Calon dikehendaki menghadiri kursus AESP-R dan LULUS penilaianya yang dikendalikan oleh NIOSH atau semua penyedia latihan yang diluluskan oleh JKPP bagi memperbaharui kad perakuan latihan ini.

Tempoh masa bagi pembaharuan Kad Perakuan Latihan adalah tidak boleh melebihi 2 tahun dari tarikh luput kad terdahulu.

Sekiranya calon GAGAL memperbaharui Kad Perakuan Latihan dalam tempoh masa tersebut, calon adalah dikehendaki untuk mengikuti kursus dan penilaian AESP semula.